

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 122

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah hasil siasatan terhadap satu laporan polis bernombor Damansara/019853/13 bertarikh 30 Disember 2013 berkenaan salah laku menyebarkan berita palsu di internet yang telah dirujuk kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) oleh pihak Polis Di Raja Malaysia. Bilakah blogger-blogger yang menyebarkan berita palsu ini akan didakwa di mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyemak berkaitan status siasatan ke atas laporan polis bernombor Damansara/019853/13 bertarikh 30 Disember 2013 berkenaan salah laku menyebarkan berita palsu di Internet. Memandangkan pihak polis telah pun menjalankan siasatan terhadap laporan tersebut, maka tiada keperluan untuk pihak SKMM membuat siasatan terhadap laporan polis tersebut.